

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM Press
Sent: Sunday, June 30, 2019 3:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf; Mohammad Amzari Bin Bakri
Subject: UUM PRESS ANTARA PEMENANG DALAM ANUGERAH MAPIM-KPM 2018

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA" (THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



30 Jun 2019 / 26 Syawal 1440H

Assalamualaikum WBT & Salam Sejahtera

Tuan/Puan



UUM PRESS ANTARA PEMENANG DALAM ANUGERAH MAPIM-KPM 2018

Buku terbitan UUM Press telah terpilih sebagai pemenang dalam Majlis Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah (MAPIM) – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2018. Buku *Sejarah Tarekat: Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam* hasil karya Mohd Faizal Harun dan Muhamad Hazwan Abd Razak telah menerima Sijil Penghargaan bagi kategori Buku Ilmiah Terbaik Kemanusiaan dan Sains Sosial dalam majlis anugerah yang berlangsung di Hotel Marriot Putrajaya pada 27 Jun yang lalu.

Sijil penghargaan tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching yang mewakili Menteri Pendidikan bersama Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, KPM.

Buku "Sejarah Tarekat: Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam" sebelum ini pernah menerima Anugerah Buku Negara bagi kategori Buku Umum Terbaik Kategori Pengajian Islam pada April lalu.

Pada tahun ini, sebanyak 10 anugerah dipertandingkan meliputi pelbagai kategori yang telah disampaikan kepada penerbit yang menjadi ahli dalam MAPIM. Anugerah yang telah diadakan sejak tahun 2007 ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penerbit yang menghasilkan penerbitan buku dan jurnal yang bermutu tinggi.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani.

Habis.

"CEKAP, TELITI & BERWIBAWA"
"PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI"

Pejabat Am Pentadbiran dan Kewangan
UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel : +604 928 4795/4796
Faks : +604 928 4792
E-mel : penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang : <http://uumpress.uum.edu.my>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.